

Integriti teras industri pertahanan, bukan komisen - PM

Oleh **ALIF FADLI SORI**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Integriti mesti menjadi teras utama dalam pembangunan industri pertahanan negara, bukannya didorong oleh kepentingan komisen atau keuntungan peribadi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebarang keputusan perolehan aset perlu dibuat secara telus dan bebas daripada rasuah ekoran sektor pertahanan melibatkan kedaulatan tanah air.

“Kita memfokuskan pembangunan keupayaan teknologi, termasuk melalui pelaksanaan Program Kolaborasi Industri (ICP) bagi memastikan pemin-dahan teknologi serta peningkatan kepakaran tempatan dapat direalisasikan secara berkesan.

Bersambung di muka 3

Integriti teras industri pertahanan, bukan komisen - PM

Dari muka 1

“DIPN menumpukan kepada pemantapan ekosistem dan rantaian bekalan industri pertahanan memandangkan negara membelanjakan puluhan bilion ringgit dalam sektor berkenaan.

“Namun keutamaan itu tidak akan tercapai sekiranya amalan mengejar komisen dan kepentingan kekayaan peribadi terus mengatasi kepentingan industri tempatan,” katanya dalam Majlis Peluncuran DIPN di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini semalam

Perdana Menteri berkata, rangka kerja strategik seperti diumumkan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin bertujuan memperkukuhkan ekosistem pertahanan dengan pendekatan yang menuntut agar usaha tidak hanya tertumpu kepada pembelian semata-mata.

“Kita mesti membina kemandirian teknologi tempatan, memperkasa rantaian bekalan dan mengkomersialkan penyelidikan serta pembangunan (R&D). Tumpuan kita bermula dengan pengukuhan tadbir urus dan tatakelola yang baik.

“Kita tahu perolehan ini bukan perkara yang khusus di negara ini, saya rasa bagi yang mengikuti perkembangan industri pertahanan dan perolehannya, inilah salah satu ruang di mana amalan songlap dan sakau ini paling ganas,” katanya.



ANWAR Ibrahim (tengah) bersama Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri) menyempurnakan Majlis Peluncuran Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) di Kuala Lumpur semalam.

Anwar berkata, DIPN menjadi asas penting kepada keyakinan ekonomi negara termasuk kepercayaan pelabur asing dan kejayaan dasar itu tidak akan tercapai selagi amalan lama yang merosakkan sistem perolehan pertahanan terus berlaku.

“Apabila negara berada dalam keadaan aman, orang menjadi senang. Bacalah sejarah, tidak ada negara yang pernah selamat tanpa kesiapsiagaan, termasuk angkatan bersenjata.”

“Sebab itu, amalan bobrok tidak boleh lagi diteruskan.

Mana mungkin kita dapat menetapkan dasar pertahanan dan perolehan persenjataan terbaik sekiranya masih terikat dengan kepentingan peribadi, komisen dan kekayaan,” katanya.

Anwar berkata, pembekuan semua perolehan melibatkan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri termasuk projek yang telah diluluskan tetapi belum dimuktamadkan diteruskan bagi membolehkan penelitian semula dilakukan secara telus.

Beliau berkata, semua keputusan perolehan selepas ini akan

diputuskan melalui mekanisme berpusat berasaskan kepakaran teknikal, keperluan sebenar angkatan dan kemampuan kewangan negara, bukan ditentukan secara individu.

Katanya, sebarang isu atau siasatan melibatkan segelintir individu tidak wajar mencalar integriti dan semangat keseluruhan anggota di kementerian serta agensi penguatkuasaan.

Beliau kemudian memberi jaminan bahawa kebajikan anggota keselamatan akan terus diberi keutamaan.